

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan jumlah kos bekalan elektrik yang dibayar oleh Kerajaan setiap bulan bagi semua bangunan awam dan pejabat agensi Kerajaan Persekutuan serta kos yang boleh diijimatkan melalui pemasangan panel solar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pembayaran bil elektrik bagi bangunan-bangunan awam dan pejabat agensi Kerajaan dibuat oleh kementerian atau agensi berkenaan dengan menggunakan peruntukan mengurus masing-masing. Secara prinsipnya, pemasangan panel solar di bangunan-bangunan melalui mekanisme *Net Energy Metering* (NEM) mampu menjimatkan sekurang-kurangnya 20%-50% daripada jumlah bil elektrik bergantung kepada kaedah pelaksanaannya sama ada ia dilakukan melalui *direct purchase* ataupun *solar leasing*.

Kerajaan telah pun melaksanakan inisiatif penjanaan tenaga boleh baharu (TBB) melalui solar PV untuk penggunaan sendiri (*self-*

consumption) di 26 bangunan-bangunan Kerajaan terpilih melalui inisiatif *Government Lead by Example* (GLBE). Jumlah kapasiti terpasang yang terkini di kesemua bangunan ini adalah sebanyak 0.740MW, dengan penjanaan elektrik berjumlah 3,991MWj setahun atau penjimatan elektrik kira-kira RM1.5juta setahun.

Inisiatif penjanaan TBB melalui Solar PV ini akan diteruskan dengan pelaksanaan program solar leasing di 37 sekolah-sekolah dan 5 PBT terpilih dengan jangkaan kapasiti 2.5MW diseluruh negara. Pelaksanaan inisiatif ini akan membolehkan sekolah-sekolah serta PBT-PBT menikmati penjimatan bil elektrik tanpa perlu mengeluarkan sebarang bayaran modal serta bayaran penyelenggaraan untuk tempoh 21-25 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Di samping penjimatan melalui pemasangan solar, bangunan-bangunan juga mampu menikmati penjimatan melalui langkah-langkah menambah kecekapan tenaga, dengan izin, *energy efficiency*. Dalam Belanjawan 2020 telah diumumkan bahawa kerajaan akan mengimplimentasi program Energy Performance Contracting (EPC) untuk sektor kerajaan.

Melalui EPC, syarikat swasta boleh menjalankan projek retrofit di bangunan-bangunan kerajaan untuk menaik taraf kecekapan penggunaan tenaga di bangunan-bangunan kerajaan, dan penjimatan kos tenaga akan dikongsi bersama di antara kerajaan dan syarikat perkhidmatan tenaga (ataupun kita panggil *energy service companies*, ESCO). Dengan ini, CAPEX syarikat swasta boleh dibayar balik, menjadikan projek-projek EPC *bankable* dan boleh mendapat *private financing* daripada bank swasta.

Pada masa kini, terdapat 5 projek EPC untuk bangunan kerajaan iaitu bangunan SUK Negeri Sembilan, SUK Kedah, SUK Perlis, INTAN dan MySA. Selain itu, MESTECC juga sedang berusaha bersama Kementerian Pendidikan untuk memulakan projek EPC di sekolah dan universiti. Sekian, terima kasih.